



SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN PERLINDUNGAN SKIM KESELAMATAN SOSIAL PEKERJAAN SENDIRI (SKSPS) PERKESO KEPADA ATLET UPM 2023

9 JUN 2023

SERDANG - Majlis Penyerahan Nota Perlindungan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO kepada seramai 299 orang atlet UPM telah diadakan di Foyer Dewan Taklimat Serdang UPM pada jam 3.00 petang.

SKSPS ini diwujudkan untuk memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 yang berkuat kuasa mulai 1 Jun 2017. Selain itu, skim ini memberi perlindungan kepada Orang Bekerja Sendiri (OBS) daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri termasuk semasa dalam perjalanan yang berkaitan dengan aktiviti pekerjaan.

Menurut **Naib Canselor UPM, YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman**, UPM telah dipilih untuk menerima tajaan daripada pihak YAPEIM melalui pihak PERKESO sebanyak **RM 69, 607.20** bagi membiayai perlindungan SKSPS di bawah inisiatif Belanjawan 2023 iaitu program SPS Sukan, dengan kadar 80 % ditanggung oleh pihak Kerajaan dan baki 20 % lagi dibiayai oleh OBS atau penaja. Selaku Universiti Awam yang aktif melahirkan atlet berprestasi tinggi negara, UPM sangat menghargai usaha pihak PERKESO dalam mencari penaja yang berminat untuk membantu membiayai perlindungan caruman SKSPS ini demi keprihatinan dalam menjaga kebajikan dan membela masa depan atlet pelapis negara.

Turut dimaklumkan, UPM merupakan satu-satunya universiti pertama yang menerima tajaan pembiayaan caruman SKSPS ini. Susulan dengan caruman ini, atlet UPM yang disahkan mengalami bencana pekerjaan akan dilindungi dan berhak menerima beberapa faedah yang disediakan oleh pihak PERKESO, antaranya faedah perubatan, hilang upaya sementara, hilang upaya kekal, orang tanggungan, elaun layanan sentiasa, pengurusan mayat, pemulihan jasmani atau vokasional dan pinjaman pendidikan kepada waris atau anak OBS yang layak.

Penerangan ringkas, SPS Padanan Caruman adalah pembiayaan padanan caruman bagi Pelan Caruman 2 (RM 232.80) di mana 80% (RM 186.20) akan dibiayai oleh Kerajaan manakala baki 20% (RM 46.60) perlu dibayar oleh kumpulan sasar bagi mendapatkan perlindungan selama 12 bulan (1 tahun). Di bawah SPS Padanan Caruman ini, terdapat 11 Kumpulan Sasaran iaitu SPS Agro, SPS Lain Upaya 2.0, SPS Sukan, SPS Saja 2.0, SPS Seni 2.0, SPS Asal 2.0, SPS Usahawanita 2.0, SPS Joran, SPS Gig 3.0, SPS Didik dan SPS Servis.

Dalam ucapannya, **Timbalan Ketua Eksekutif PERKESO, YBrs. Encik John Riba Marin** memaklumkan UPM, yang merupakan antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terbaik dalam menyediakan Program Pembangunan Sukan Berprestasi Tinggi kepada golongan atlet, mempunyai hasrat yang sama berkolaborasi dengan PERKESO dalam memastikan kebajikan dan keselamatan mereka terjamin.

“Sesungguhnya, dedikasi dan semangat yang ditunjukkan oleh pengurusan tertinggi UPM telah membuktikan bahawa kita semua senada dan mengambil berat terhadap perlindungan keselamatan sosial untuk atlet UPM ini. PERKESO mengharapkan supaya kerjasama dan hubungan yang terjalin di antara PERKESO dan UPM dapat membina landskap keselamatan sosial yang lebih luas dalam memelihara kebajikan dan keselamatan masyarakat pekerja Malaysia termasuk golongan OBS,” tambahnya lagi.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

MUHAMMAD MALIK AHMAD TOBIAS

Timbalan Pengarah
Pengembangan Atlet dan Staf
Akademi Sukan
Universiti Putra
Malaysia 43400
Serdang Selangor

No. tel : 03-97691284

Email : mat_malik@upm.edu.my

MOHD WAZID BIN ZAIDON

Ketua Cawangan
Promosi dan Perhubungan Media
PERKESO

No. Tel: 017-6193181

Email: wazid.zaidon@perkeso.gov.my